

09 NOV 2000

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

PUTRAJAYA, 9 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-81 di pejabat Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Antara perkara yang dibincangkan ialah langkah meningkatkan kecekapan jentera kerajaan terutama dalam pelaksanaan projek yang sudah dirancang, dan pengurusan kewangan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, turut dibincangkan dalam mesyuarat kira-kira dua jam itu yang bermula pukul 3 petang, ialah menggalakkan bidang pelancongan dan pengawasan alam sekitar di seluruh negara.

Mesyuarat itu dihadiri semua ketua menteri dan menteri besar kecuali Kelantan dan Terengganu.

Beberapa menteri kabinet turut hadir.

-- BERNAMA

APG ZS NMO